"Pengendorsan" bermaksud lampiran, jika ada, yang disertakan bersama Sijil ini yang meminda atau mengubah suai mana-mana terma atau syarat yang terkandung di dalam Sijil ini;

"Umur Kemasukan" bermaksud umur Orang Dilindungi pada harijadi akan datang seperti yang dinyatakan di dalam Jadual I atau Pengendorsan (jika ada);

"Ibu Pejabat" bermaksud pejabat Kami di Aras 5, Tower B, PJ City Development, No. 15A, Jalan 219, Seksyen 51A, 46100 Petaling Jaya, Selangor;

"Iltizam bi Al-Tabarru'" bermaksud komitmen untuk melakukan Tabarru';

"Tidak boleh pulih" bermaksud tidak boleh diperbaiki dengan rawatan perubatan dan/atau prosedur pembedahan selaras degna piawaian perkhidmatan perubatan yang tersedia di Malaysia;

"Ju'alah" bermaksud perjanjian di mana Anda bersetuju untuk memberikan ganjaran kepada Kami kerana pencapaian atau prestasi baik dalam menguruskan Dana Risiko Peserta yang menghasilkan Lebihan;

"Pengamal Perubatan" bermaksud pengamal perubatan yang berkelayakan dan berlesen untuk mengamalkan perubatan barat, dan semasa menyediakan rawatan tersebut, berkhidmat mengikut skop lesen dan latihannya dalam kawasan geografi perkhidmatan, tetapi tidak termasuk doktor, pakar perubatan atau pakar bedah yang merupakan Orang Dilindungi sendiri;

"Peserta" bermaksud orang seperti yang dinamakan di dalam Jadual I atau Pengendorsan (jika ada) yang mempunyai hak milik di bawah undang-undang terhadap Sijil ini, justeru beliau memiliki Sijil ini;

"Dana Risiko Peserta" atau "PRF" bermaksud sekumpulan dana untuk tujuan bantuan bersama, kemuafakatan, persaudaraan dan juga manfaat bersama untuk semua peserta. Anda bersetuju, selagi penyertaan Anda berkuat kuasa, untuk memperuntukkan bahagian tertentu Sumbangan kepada PRF untuk tujuan Tabarru' kepada peserta lain, tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan di dalam ini;

"Kekal" bermaksud dijangka kekal sepanjang hayat Orang Dilindungi.

"Defisit Neurologi Kekal dengan Gejala Klinikal Berterusan" bermaksud simptom tidak berfungsi dalam sistem saraf yang hadir ketika pemeriksaan klinikal dan dijangka kekal sepanjang hayat Orang Dilindungi. Simptom meliputi termasuk kebas, kelumpuhan, dysarthria (kesukaran bertutur), aphasia (kehilangan upaya bertutur), dysphagia (kesukaran menelan), masalah penglihatan, kesukaran berjalan, kekurangan koordinasi, gegaran, sawan, demensia, delirium dan koma.

“Orang Dilindungi” bermaksud Orang Dilindungi di bawah Sijil seperti yang dinamakan di dalam Jadual I atau Pengendorsan (jika ada);

“Penuntut Sebenar” bermaksud seseorang yang menuntut haknya untuk mendapat Manfaat di bawah undang-undang yang berkaitan;

“Qardh” bermaksud pinjaman tanpa faedah yang Kami sediakan sekiranya berlaku defisit dalam PRF;

“Jadual I” atau “Jadual II” bermaksud Jadual I dan II yang masing-masing dilampirkan kepada Sijil ini;

“Penyakit, Kesakitan atau Keuzuran” bermaksud keadaan fizikal yang dicirikan oleh perbezaan patologi daripada keadaan sihat normal;

“Lebihan” bermaksud lebihan termasuk keuntungan pelaburan daripada Dana Risiko Peserta selepas pembayaran tuntutan dan rizab. Lebihan, jika ada, dihitung dan diagihkan setiap tahun;

“Tabarru’” bermaksud derma daripada sebahagian Sumbangan yang diperuntukkan kepada PRF, yang akan digunakan untuk bantuan dan pertolongan bersama dalam kalangan peserta;

“Dana Takaful” terdiri daripada PRF seperti yang dijelaskan di atas;

“Pengendali Takaful/Kami” bermaksud Hong Leong MSIG Takaful Berhad;

“Sijil” atau “Sijil ini” bermaksud dokumen yang terdiri daripada Sijil Asas, Penyata Maklumat Sijil, Jadual, Lampiran dan Pengendorsan, jika ada, yang dilampirkan kepada Sijil ini;

"Wakalah” pada asasnya bermaksud hubungan ejen-prinsipal, di mana Kami bertindak sebagai ejen bagi pihak Anda dan semua peserta untuk menguruskan PRF;

“Yuran Wakalah” bermaksud yuran yang perlu dibayar kepada Kami sebagai balasan kepada perkhidmatan yang diberikan untuk menguruskan PRF bagi pihak Anda. Yuran Wakalah akan digunakan untuk menampung perbelanjaan pengurusan dan perbelanjaan berkaitan agihan;

"Anda" bermaksud Peserta.

2. ASAS SIJIL

2.1 Sijil ini dikeluarkan mengikut cadangan yang Anda buat dan berasaskan:

(a) jawapan yang diberikan oleh pihak Anda dan/atau Orang Dilindungi dalam borang cadangan bagi Sijil ini dan sebarang soal selidik selanjutnya yang Kami berikan berhubung dengan sebarang perkara yang berkaitan dengan borang cadangan Sijil ini;

(b) sebarang pendedahan yang dibuat dan/atau maklumat yang diberikan oleh pihak Anda dan/atau Orang Dilindungi dari tarikh penyerahan borang cadangan Sijil ini sehingga Tarikh Pengeluaran Sijil;

(c) sebarang maklumat yang terkandung dalam mana-mana laporan perubatan dan/atau laporan lain dan soal selidik yang dihantar kepada Kami berhubung dengan Sijil ini; (seterusnya dirujuk secara bersama sebagai “maklumat penting”).

Maklumat penting ini membentuk sebahagian penting daripada Sijil Takaful ini antara Anda dan Kami dan hendaklah, bersama terma dan syarat Sijil ini, membentuk seluruh Sijil antara Anda dan Kami.

Sebelum Sijil ini diperbaharui atau diubahsuai, Kami mengehendaki Anda untuk menjawab

apa-apa soalan atau sekiranya Anda dikehendaki mengesahkan atau meminda sebarang perkara yang Anda dedahkan sebelum ini kepada Kami berhubung dengan Sijil ini, Anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah munasabah agar tidak melakukan sebarang salah nyata apabila menjawab soalan atau mengesahkan atau meminda sebarang perkara yang didedahkan sebelum ini.

Anda mesti memaklumkan kepada Kami tentang sebarang perubahan maklumat yang diberikan kepada Kami atau apabila menjawab soalan atau berhubung dengan sebarang perkara yang didedahkan sebelum ini kepada Kami berhubung dengan Sijil ini jika perubahan tersebut telah berlaku selepas anda mengemukakan permohonan untuk pembaharuan/pengubahsuaian tetapi sebelum Sijil ini diperbaharui atau diubahsuai.

Anda dikehendaki untuk memberi perhatian yang munasabah apabila menjawab soalan dalam borang cadangan dan/atau apabila mendedahkan maklumat secara sukarela kepada Kami. Jika maklumat yang Anda berikan adalah tidak tepat atau dibuat secara palsu, atau Kami mendapati bahawa Anda telah menyembunyikan sebarang maklumat penting, dan maklumat tersebut penting bagi Kami menentukan sama ada untuk memberikan perlindungan kepada Anda dan/atau Orang Dilindungi di bawah Sijil, maka Kami boleh mengambil tindakan seperti yang diperuntukkan di bawah Klausa 2.2 dan 2.3 di dalam ini.

2.2 Salah Nyata Sengaja atau Melulu

Sekiranya Kami menemui sebarang kenyataan, dokumen, maklumat berkaitan dengan Sijil ini adalah tidak benar, mengelirukan atau di mana maklumat telah disembunyikan daripada Kami ("Salah Nyata"):

(a) telah dibuat secara melulu atau sengaja; dan

(b) adalah relevan kepada Kami kerana sekiranya maklumat didedahkan dengan sewajarnya kepada Kami, ia akan mengakibatkan:

(i) Keengganan Kami untuk mengeluarkan Sijil ini; atau

(ii) Kami mengenakan terma berbeza kepada Anda dan/atau Orang Dilindungi.

Maka, Kami boleh memilih sama ada (a) untuk mengelakkan Sijil atau (b) mengelakkan sebarang Manfaat dalam Sijil, yang mana berkenaan.

Jika Kami memilih untuk mengelakkan Sijil, Kami akan memulangkan jumlah Sumbangan yang telah dibayar kepada anda.

2.3 Salah Nyata Cuai atau Ikhlas

Jika Salah Nyata adalah:

(a) cuai atau ikhlas; dan

(b) jika keadaan atau kenyataan dibuat dengan betul atau tepat kepada Kami pada Tarikh Permulaan Sijil; dan

(i) Akibatnya, Kami sepatutnya tidak mengeluarkan Sijil sejak dari mula lagi,
maka Kami boleh membuat keputusan untuk mengelakkan Sijil dan menolak sebarang tuntutan di bawahnya seolah-olah Kami tidak pernah mengeluarkan Sijil. Jika Kami mengelakkan Sijil ini, Kami akan memulangkan jumlah Sumbangan yang telah dibayar kepada Anda:

ATAU

(ii) Akibatnya, Kami sepatutnya mengeluarkan atau memperbaharui Sijil tetapi atas terma yang berbeza, maka Kami boleh memilih untuk mengenakan terma yang berbeza tersebut dalam Sijil dan terma tersebut boleh diguna pakai secara retrospektif dari Tarikh Permulaan Sijil seolah-olah Sijil atau Manfaat dikeluarkan dengan terma tersebut;

ATAU

(iii) Akibatnya, Kami sepatutnya mengeluarkan atau memperbaharui Sijil tetapi dengan sumbangan atau Tabarru' yang lebih tinggi maka Kami boleh mengurangkan secara berkadar Manfaat yang perlu dibayar daripada Dana Risiko Peserta berdasarkan kiraan berikut:

$$\frac{\text{Sumbangan sebenar yang dikenakan}}{\text{Sumbangan yang sepatutnya dikenakan}} \times \text{Amaun tuntutan Sijil ini}$$

3. PEMBAYARAN SUMBANGAN

Sumbangan dan semua amaun lain yang perlu dibayar di bawah Sijil ini perlu dibayar di Ibu Pejabat atau pejabat cawangan Kami atau melalui sebarang kaedah lain seperti yang Kami maklumkan dari semasa ke semasa secara bertulis atau dalam mana-mana Pengendorsan. Kami tidak membenarkan mana-mana individu untuk mengutip Sumbangan atau sebarang amaun lain yang perlu dibayar di bawah Sijil ini bagi pihak Kami.

Resit untuk apa-apa Sumbangan atau sebarang amaun lain yang perlu dibayar di bawah Sijil ini tidak akan dianggap sah melainkan dikeluarkan oleh Kami.

Adalah menjadi tanggungjawab Anda untuk memastikan bahawa Sumbangan dan semua amaun lain yang perlu dibayar di bawah Sijil ini telah dibayar dengan sewajarnya apabila tiba masanya. Kami tidak bertanggungjawab untuk menghantar sebarang peringatan atau notis kepada Anda berkenaan sebarang Sumbangan atau sebarang amaun lain yang perlu dibayar. Bagi mengelakkan keraguan dan walau apa pun yang terkandung di dalam ini yang menyatakan sebaliknya, Sumbangan dan semua amaun lain yang perlu dibayar di bawah Sijil ini hendaklah dibuat atas nama HONG LEONG MSIG TAKAFUL BERHAD sahaja.

Sijil ini akan berkuat kuasa sepenuhnya sentiasa dengan syarat bahawa Sumbangan dan semua amaun lain yang perlu dibayar di bawah Sijil ini diterima dahulu oleh Kami secara tahunan; bagaimanapun, dalam kes di mana Anda memilih untuk membayar Sumbangan dan amaun lain yang perlu dibayar di bawah Sijil ini secara separuh tahunan, suku tahunan atau bulanan, dan apabila berlakunya tuntutan yang membawa kepada penamatan Sijil, sebarang ansuran yang masih belum dibayar yang perlu untuk melengkapkan Sumbangan penuh dan semua amaun lain yang perlu dibayar di bawah Sijil ini bagi Tahun Sijil hendaklah ditolak terlebih dahulu daripada jumlah tuntutan tersebut dan hanya baki atau jumlah bersih Manfaat, jika ada, akan dibayar.

Untuk setiap Sumbangan yang diterima, Kami akan menolak Yuran Wakalah mengikut peratusan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual II.

4. PENGURUSAN DANA TAKAFUL

4.1 Dana Risiko Peserta

Amaun Tabarru' yang boleh diubah dari masa ke masa, hendaklah dipotong masuk ke dalam PRF berasaskan konsep Iltizam bi Al-Tabarru' untuk memberikan Manfaat di bawah Sijil ini. Derma/Tabarru' sebenar dianggap berlaku hanya selepas pembayaran tuntutan, kos berkaitan tuntutan atau pembayaran sebarang Manfaat di bawah Sijil ini.

Tabarru' yang perlu dibayar menurut peruntukan Sumbangan seperti yang dinyatakan dalam Jadual II berbeza mengikut Tahun Sijil. Tabarru' yang akan dibayar akan meliputi Manfaat Penyakit Kritikal.

Baki amaun komitmen di dalam PRF, selepas ditolak rizab aktuari yang berkaitan dan kos lain yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Kami, jika ada, akan dianggap sebagai Lebihan. Perkongsian Lebihan yang timbul daripada PRF adalah seperti yang dinyatakan dalam Klausa 17 Bahagian A.

Sekiranya PRF mengalami defisit, Kami akan mengatur Qardh (pinjaman tanpa faedah) bagi PRF. Qardh dijangka akan meningkatkan tahap tunai PRF. Qardh akan dibayar balik hanya bagi jumlah asal yang disalurkan, daripada Lebihan masa depan PRF, secara sekali gus atau ansuran bergantung pada Lebihan masa depan yang diperolehi dan jumlah Qardh yang diberikan.

Walau apa pun yang dinyatakan di atas, sekiranya berlaku penamatan, penyerahan Sijil atau sekiranya Orang Dilindungi didiagnosis mengalami mana-mana Penyakit Dilindungi, Peserta berhak untuk mendapatkan pulangan Tabarru' yang tidak digunakan dalam PRF.

5. UNDANG-UNDANG BERKUATKUASA
Sijil ini dan lampirannya ditadbir berlandaskan Syariah dan menurut undang-undang Malaysia. Mahkamah Malaysia mempunyai bidang kuasa eksklusif berhubung dengan sebarang tuntutan yang timbul daripada atau yang berkaitan dengan Sijil ini.

6. CUKAI KERAJAAN DAN/ATAU CAJ/YURAN BERKANUN/PERATURAN YANG DIKENAKAN DAN LAIN-LAIN
Untuk tujuan Klausa ini:

"Cukai" bermaksud sebarang bentuk cukai, levi, impos, duti, caj, yuran, pemotongan atau penahanan cukai Malaysia atau asing yang dikenakan pada masa kini atau masa depan, secara langsung atau tidak langsung, oleh mana-mana Pihak Berkuasa yang Berkenaan dari semasa ke semasa, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang cukai penggunaan dan cukai lain atas apa jua nama, dan sebarang denda atau penalti berhubung dengannya.

"Pihak Berkuasa yang Berkenaan" bermaksud mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa yang memungut cukai.

Sumbangan dan semua wang lain yang perlu dibayar oleh Anda kepada Kami di bawah Sijil ini, termasuk sebarang jumlah yang merupakan bayaran ganti yang perlu Anda bayar kepada Kami adalah tidak termasuk mana-mana Cukai, dan hendaklah dibayar tanpa sebarang tolak selesai, sekatan atau syarat dan tanpa sebarang potongan atau mengambil kira sebarang tuntutan balasan atau sebarang pemotongan atau penahanan.

Sekiranya Anda diperlukan di bawah undang-undang untuk membuat sebarang potongan atau penahanan daripada Sumbangan dan/atau semua wang lain yang perlu dibayar kepada Kami di bawah Sijil ini berhubung dengan sebarang Cukai atau selainnya, jumlah yang perlu Anda bayar yang membabitkan pemotongan atau penahanan tersebut hendaklah ditambah supaya Sumbangan bersih dan/atau jumlah bersih wang yang Kami terima adalah sama dengan apa yang Kami patut terima jika tiada pemotongan atau penahanan diperlukan atau dibuat.

Sebagai tambahan kepada Sumbangan dan semua wang lain yang perlu dibayar, Anda hendaklah membayar kepada Kami semua Cukai yang berkaitan dan/atau sebarang amaun yang Kami tentukan untuk menampung sebarang pembayaran/liabiliti/kewajipan Cukai yang berhubung dengannya, tanpa sebarang tolak selesai, sekatan atau syarat dan tanpa sebarang penolakan atau mengambil kira sebarang tuntutan balas atau sebarang pemotongan atau penahanan, selain daripada sebarang Cukai yang mungkin diwajibkan di bawah sebarang undang-undang yang perlu Anda bayar secara langsung kepada mana-mana Pihak Berkuasa yang Berkenaan, dan Anda hendaklah membayar terus kepada Pihak Berkuasa yang Berkenaan.

Jika pada bila-bila masa sesuatu pelarasan dibuat atau perlu dibuat di antara Kami dan pihak berkuasa cukai berhubung dengan sebarang jumlah yang telah dibayar sebagai Cukai yang berbangkit daripada sebarang bekalan yang dibuat atau dianggap telah dibuat atau perkara lain

yang berkaitan dengan Sijil ini oleh pihak Kami, pelarasan yang sesuai boleh dilakukan atas budi bicara Kami di antara Kami dan Anda dan dalam keadaan itu, sebarang pembayaran yang diperlukan untuk melaksanakan pelarasan tersebut hendaklah dibuat.

Anda dengan ini bersetuju untuk melakukan semua perkara munasabah yang Kami minta untuk membantu Kami memenuhi kewajipan di bawah sebarang undang-undang berkuat kuasa yang mana Cukai dikenakan. Sekiranya sesuatu Cukai baru diperkenalkan dan Cukai tersebut perlu dikenakan ke atas transaksi yang dipertimbangkan dalam Sijil ini, Anda bersetuju untuk memberikan kerjasama sepenuhnya kepada Kami untuk membantu Kami memenuhi kewajipan di bawah undang-undang berkaitan.

Anda hendaklah menanggung kerugian Kami dan melindungi Kami daripada sebarang liabiliti yang timbul akibat sebarang pelanggaran kewajipan di pihak Anda untuk membayar Cukai yang dinyatakan di dalam Sijil ini, bersama semua kerugian, kos dan perbelanjaan yang timbul daripada pelanggaran tersebut. Tiada apa-apa dalam Sijil ini yang memerlukan Kami untuk membayar sebarang jumlah denda, penalti atau jumlah lain yang menjadi tanggungjawab Anda.

Untuk mengelakkan keraguan, pihak-pihak dalam Sijil ini bersetuju bahawa sebarang jumlah yang perlu dibayar atau jumlah yang akan digunakan dalam pengiraan wang yang perlu dibayar yang dinyatakan di bahagian lain dalam Sijil ini telah ditetapkan tanpa mengambil kira dan tidak termasuk amaun yang harus ditambah di bawah Klausa ini untuk Cukai.

7. MATA WANG
Semua amaun yang perlu dibayar kepada atau daripada Dana Takaful yang Kami uruskan perlu dibayar dalam mata wang sah Malaysia, iaitu "RINGGIT MALAYSIA (RM)".

8. NOTIS
Setiap notis atau komunikasi kepada Pengendali Takaful hendaklah secara bertulis dan dihantar kepada Pengendali Takaful. Sebarang perubahan dalam terma di dalam Sijil ini atau sebarang endorsan ke atasnya, tidak dianggap sah kecuali ditandatangani oleh wakil sah Pengendali Takaful.

9. PEMATUHAN SYARAT-SYARAT
Anda perlu mematuhi dan memenuhi semua syarat yang terkandung dalam Sijil ini yang berkaitan dengan sebarang perkara yang perlu Anda lakukan atau tidak lakukan, sebelum Kami bertanggungjawab untuk membuat bayaran menggunakan Dana Takaful di bawah Sijil ini.

10. AMAUN YANG PERLU DIBAYAR KEPADA KAMI
Sebelum Kami membuat sebarang pembayaran daripada Dana Takaful menurut Sijil ini, Kami berhak untuk memotong sebarang caj atau amaun lain yang perlu dibayar kepada Kami di bawah Sijil ini.

11. SALAH NYATA UMUR
Umur Kemasukan dikira mengikut tarikh lahir yang dinyatakan di dalam borang cadangan Sijil ini.

Pada bila-bila masa apabila berlaku sebarang tuntutan, jika Umur KemasukanOrang Dilindungi didapati disalahnyatakan, maka Kami akan membuat pelarasan berasaskan yang berikut:

(a) Jika sumbangan dan caj Tabarru` berasaskan umur sebenar Orang Dilindungi adalah lebih tinggi daripada Sumbangan dan caj Tabarru` yang telah dibayar dan ditolak, Kami akan mengubah Manfaat yang perlu dibayar dan peruntukan Lebihan di bawah Sijil ini mengikut perbezaan antara caj Tabarru' sebenar yang dibayar dan caj Tabarru' yang sepatutnya dibayar untuk Sijil ini;

(b) Jika sumbangan dan amaun Tabarru` berasaskan umur sebenar Orang Dilindungi adalah lebih rendah daripada Sumbangan dan amaun Tabarru` yang telah dibayar dan ditolak, maka perbezaan antara Sumbangan dan caj Tabarru` akan dipulangkan dan dikreditkan ke dalam Anda.

Sekiranya Tempoh Perlindungan Sijil ini dikira dengan merujuk kepada Umur Kemasukan Orang Dilindungi, dan umur tersebut bukan umur sebenar Orang Dilindungi, Kami boleh, sebagai ganti, atau sebagai tambahan kepada, pelaksanaan subklausa (a) atau (b) di atas yang mana berkenaan, mengubah Sijil ini dengan menukar Tempoh Perlindungannya kepada tempoh yang sepatutnya menjadi tempoh perlindungan sekiranya Sijil ini dikira berasaskan umur sebenar Orang Dilindungi.

Sekiranya Orang Dilindungi tidak layak untuk dilindungi di bawah Sijil ini kerana umur sebenarnya, Kami akan mengelakkan Sijil dan memulangkan kepada Anda caj dan yuran takaful yang telah dipotong.

Sekiranya Kami belum menentukan kesahihan Umur Kemasukan Orang Dilindungi, Kami berhak untuk meminta bukti umur Orang Dilindungi sebelum membuat sebarang bayaran di bawah Sijil ini.

12. SALAH NYATA JANTINA

Jantina Orang Dilindungi seperti yang dinyatakan di dalam Jadual atau sebarang Pengendorsan dipercayai merupakan jantina sebenar Orang Dilindungi.

Jika jantina Orang Dilindungi disalahnyatakan, sebarang Manfaat yang perlu dibayar di bawah Sijil ini akan dilaraskan seperti yang perlu dibayar jika jantina sebenar telah dinyatakan.

13. MASTAUTIN, PERJALANAN DAN PEKERJAAN

Sijil ini tidak mengenakan sebarang sekatan terhadap Anda atau Orang Dilindungi berhubung dengan tempat mastautin, pekerjaan atau perjalanan.

14. TIDAK BOLEH DIPERTIKAIKAN

Kesahihan Sijil ini tidak boleh dipertikaikan selepas ia berkuat kuasa selama dua (2) tahun dari Tarikh Pengeluaran Sijil kecuali bagi kegagalan pembayaran Sumbangan atau sekiranya kenyataan mengenai maklumat penting dibuat secara palsu atau tidak dibuat atau disembunyikan oleh pihak Anda sebelum menyertai Sijil ini.

Sekiranya Kami mengelakkan Sijil ini kerana Salah Nyata Sengaja atau Melulu (seperti yang ditakrfikan dalam Klausa 2.2 Bahagian A) atau kenyataan mengenai maklumat penting dibuat secara palsu atau tidak dibuat atau disembunyikan yang menjadi faktor penting dalam keputusan penerimaan risiko di bawah Sijil ini, maka Klausa 2.2 Bahagian A akan diguna pakai.

15. TEMPOH BERTENANG

Anda boleh membatalkan Sijil ini secara bertulis dengan mengembalikan Sijil kepada Kami dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penghantaran Sijil ini kepada Anda. Jika Sijil dihantar menerusi pos, ia hendaklah dianggap sebagai telah dihantar pada tarikh pengeposan. Jika Sijil dihantar menerusi kiriman peribadi atau kurier, ia dianggap telah dihantar pada tarikh ia dikirimkan secara peribadi atau dihantar menerusi kurier. Untuk mengelakkan keraguan, Sijil ini dianggap telah dikemukakan dengan sewajarnya apabila ia dihantar ke alamat terakhir Anda yang diketahui seperti dalam rekod Kami.

Apabila Sijil ini dikembalikan, Kami akan memulangkan Sumbangan yang telah dibayar. Selepas itu, Kami tidak lagi menanggung liabiliti terhadap Anda di bawah Sijil ini.

16. PEMILIKAN

Anda ialah pemilik Sijil ini. Sepanjang hayat Orang Dilindungi dan selagi Sijil ini masih berkuat kuasa, hanya Peserta boleh melaksanakan mana-mana hak, keistimewaan dan pilihan yang disediakan di bawah Sijil ini.

17. PERKONGSIAN LEBIHAN HASIL DARIPADA DANA RISIKO PESERTA

Sijil ini akan menyertai dalam pengagihan lebihan Dana Risiko Peserta yang diuruskan oleh Kami.

Tertakluk kepada cadangan oleh Aktuari lantikan dan Jawatankuasa Syariah Kami dan juga pengesahan oleh lembaga pengarah Kami, Lebihan tersebut akan dikongsi di antara Anda dan Kami dengan nisbah 50:50. Bahagian Anda akan dikreditkan kepada Anda, manakala bahagian Kami akan dimasukkan ke dalam dana Pengendali Takaful. Kelayakan kami terhadap Lebihan adalah berdasarkan prinsip Ju'alah.

Pengagihan lebihan akan dilakukan pada setiap akhir tahun kewangan Pengendali. Bagi mengelakkan keraguan, agihan Lebihan hendaklah bermaksud apa-apa amaun Lebihan seperti yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah Pengendali untuk diagihkan kepada Anda dan Kami. Walau bagaimanapun, jika amaun Lebihan Anda adalah kurang daripada Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10) dan Sijil tidak berkuat kuasa pada apa-apa masa dalam tempoh tahun kewangan, Kami mempunyai hak untuk mendermakan amaun Lebihan berkenaan kepada mana-mana organisasi kebajikan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Shariah Kami.

18. PENAMATAN

Sijil akan ditamatkan:

(a) pada hari selepas Tarikh Matang/Akhir Sijil kecuali jika Sijil diperbaharui menurut Klausa 27 Bahagian A;

(b) selepas kematian Orang Dilindungi;

(c) jika Sijil ini luput untuk tempoh yang berterusan lebih dari satu (1) tahun, telah diserahkan dan sebaliknya ditamatkan menurut peruntukan yang terdapat di dalam Sijil ini;

(d) setelah tuntutan sah diselesaikan bagi Manfaat Asas Sijil menurut peruntukan yang mengawal Manfaat;

yang mana lebih dahulu. Selepas itu, Kami tidak mempunyai kewajipan terhadap Anda dan Anda tidak lagi mempunyai tuntutan terhadap Kami berhubung dengan Sijil ini atau isu lain yang mungkin timbul pada atau selepas tarikh penamatan tersebut. Penamatan tidak akan menjejaskan sebarang tuntutan yang timbul sebelum tarikh penamatan.

19. PENYERAHAN

Anda boleh menyerahkan Sijil pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada Kami di Ibu Pejabat Kami. Selepas penyerahan Sijil ini, tiada nilai serahan akan dibayar dan Sijil akan ditamatkan selepas itu. Anda mungkin menerima bahagian Lebihan daripada PRF, jika ada.

20. SUMBANGAN PERTAMA

Sumbangan pertama hendaklah dianggap telah diterima pada Tarikh Permulaan Sijil seperti yang dinyatakan dalam Jadual I. Kami berhak untuk tidak memperuntukkan mana-mana bahagian Sumbangan pertama kepada PRF sehingga tamatnya Tempoh Bertenang seperti yang dinyatakan dalam Klausa 15 Bahagian A. Sumbangan pertama selepas itu akan diperuntukkan kepada PRF menurut peruntukan Sumbangan seperti yang dinyatakan dalam Jadual II.

21. APABILA SUMBANGAN TIDAK DIBAYAR

Jika Sumbangan masih tidak dibayar selepas tamat Tempoh Ihsan seperti yang dinyatakan di dalam Klausa 22 Bahagian A, Sijil ini akan luput dan tiada Manfaat akan dibayar.

22. TEMPOH IHSAN

Tempoh ihsan selama tiga puluh (30) hari dari Tarikh Sumbangan Perlu Dibayar yang berikutnya dibenarkan bagi pembayaran Sumbangan berikutnya dan sekiranya Orang Dilindungi didiagnosis mengalami mana-mana Penyakit Dilindungi dalam tempoh ini sebelum Sumbangan berikutnya dibayar, Sijil tetap sah dan berkuat kuasa seolah-olah Sumbangan berikutnya telah dibayar. Jika sebarang Sumbangan berikutnya masih tidak dibayar selepas tamatnya Tempoh Ihsan, maka Klausa 21 Bahagian A akan diguna pakai.

23. PENGEMBALIAN SEMULA

Anda boleh memohon untuk mengembalikan semula Sijil ini, dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh Sijil ini luput, dengan syarat Anda tidak menyerahkan Sijil ini.

Pengembalian semula Sijil ini tertakluk kepada syarat pengunderaitan Kami, setelah Anda menyediakan Kami dengan bukti-bukti lain yang Kami perlukan dan bayaran sumbangan yang dinyatakan oleh Kami. Ia adalah mengikut budi bicara mutlak Kami sama ada untuk atau tidak mengembalikan semula Sijil ini.

Jika telah melebihi satu (1) tahun berlalu sejak Sijil ini luput, Kami tidak akan mempertimbangkan mengembalikan semula Sijil ini.

Jika selepas pengembalian semula Sijil ini, sebarang pernyataan, dokumen, maklumat berkaitan Sijil ini didapati telah disalahnyatakan secara Sengaja/Melulu (seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 2.2 Bahagian A) atau disalahnyatakan secara Cuai/Ikhlas (seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 2.3 Bahagian A) kepada Kami, maka Klausa 2.2 dan Klausa 2.3 Bahagian A akan digunapakai.

Untuk tujuan Klausa ini, semua rujukan kepada perkataan "keluar", "dikeluarkan", "Tarikh Permulaan Sijil" dan "dari permulaan" dalam Klausa 2.2 dan 2.3 Bahagian A hendaklah digantikan dengan "pengembalian semula", "dikembalikan semula", "tarikh pengembalian semula Sijil" dan "dari pengembalian semula" masing-masing.

24. KEPENTINGAN BOLEH LINDUNG TAKAFUL

Anda, jika selain daripada Orang Dilindungi, mempunyai kepentingan boleh lindung Takaful terhadap Orang Dilindungi pada masa Sijil ini berkuat kuasa dan pada masa Manfaat perlu dibayar.

Anda dianggap mempunyai kepentingan boleh lindung Takaful terhadap Orang Dilindungi jika Orang Dilindungi adalah pekerja Anda.

Apabila Anda menyertai Sijil ini untuk Orang Dilindungi, Anda hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Orang Dilindungi tersebut, melainkan jika Orang Dilindungi adalah seorang yang masih berada di bawah umur. Orang Dilindungi mempunyai hak untuk membatalkan persetujuannya dengan memaklumkan kepada Kami secara bertulis pada bila-bila masa setelah Sijil ini dikeluarkan. Apabila persetujuan itu dibatalkan, Anda tidak lagi mempunyai kepentingan boleh lindung Takaful terhadap Orang Dilindungi tersebut.

Pada bila-bila masa selepas Sijil ini disertai, sekiranya Kami menyedari bahawa Anda tidak lagi mempunyai kepentingan boleh lindung Takaful terhadap Orang Dilindungi tersebut, jika tiada tuntutan dibuat atau terdapat tuntutan dibuat atau pada Tarikh Matang/Akhir Sijil yang mana berkenaan, Kami akan:

(a) membayar kepada Anda sebarang wang yang perlu dibayar di bawah Sijil ini seperti yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia; dan

(b) apabila bayaran sedemikian dibuat, Sijil ini hendaklah dianggap sebagai telah ditamatkan.

25. PERUBAHAN DALAM KADAR, YURAN DAN CAJ

Kami berhak pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa untuk mengubah atau meminda kadar Tabarru', kadar sumbangan dan/atau sebarang yuran dan caj yang perlu dibayar atau, yuran/caj baru dikenakan seperti caj serahan di mana Kami akan memberikan notis bertulis sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari. Kadar yang disemak semula akan berkuat kuasa pada Tarikh Ulang Tahun Sijil yang akan datang.

26. PINDAAN

Kami berhak untuk meminda terma dan syarat Sijil ini atas budi bicara mutlak Kami dengan

memberikan notis tiga puluh (30) hari secara bertulis terlebih dahulu menerusi pos biasa ke alamat terakhir Anda yang diketahui dalam rekod Kami, dan pindaan tersebut berkuat kuasa dari Tarikh Ulang Tahun Sijil yang akan datang. Tiada pindaan kepada Sijil ini sah melainkan disahkan oleh pihak Kami dan dikuatkuasakan menerusi Pengendorsan yang dikeluarkan oleh pihak Kami.

27. PILIHAN MEMPERBAHARUI TANPA PENGUNDERAITAN
Selepas Sijil ini tamat, dan dengan syarat tiada pelanggaran semua atau mana-mana syarat dalam Sijil ini dan yang terkandung dalam Sijil ini dan diubah dalam Sijil ini, Sijil ini boleh diperbaharui untuk tempoh sepuluh (10) tahun tanpa sebarang pengunderaitan tertakluk kepada syarat berikut:

(a) umur maksimum Orang Dilindungi adalah enam puluh (60) tahun pada hari jadi berikutnya, pada masa pembaharuan;

(b) Sijil ini tidak pernah diperbaharui untuk lebih daripada satu (1) kali;

(c) tiada salah nyata atau penipuan fakta material seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 2.2 dan 2.3 Bahagian A;

(d) tiada tuntutan telah diluluskan atau dibayar di bawah Sijil ini;

(e) Sijil tidak ditamatkan mengikut Klausa 18 Bahagian A; dan

(f) sumbangan yang perlu dibayar perlu dikira mengikut umur Orang Dilindungi pada masa pembaharuan.

28. NOTIS DAN ALAMAT SURAT MENYURAT
Sebarang notis, permohonan, arahan atau surat-menyurat yang diberikan oleh Kami akan dihantar melalui pos, alatan elektronik atau cara lain yang dapat dipraktikkan ke alamat terakhir Anda dalam rekod Kami, dan komunikasi tersebut hendaklah disifatkan telah diterima oleh Anda.

29. PERUBAHAN RISIKO
Anda hendaklah memberikan notis serta-merta secara bertulis kepada Kami tentang sebarang perubahan penting yang mempengaruhi risiko termasuk tetapi tidak terhad kepada pekerjaan, perniagaan, tugas dan kegiatan Orang Dilindungi dan membayar caj tambahan yang mungkin Kami tetapkan. Kami berhak untuk mengubah kadar Sumbangan dan/atau Tabarru’ dengan sewajarnya.

30. SUBROGASI
Jika PRF yang Kami uruskan perlu menanggung liabiliti bagi sebarang pembayaran di bawah Sijil ini, Kami akan menerima subrogasi setakat pembayaran untuk semua hak dan remedi Anda ke atas mana-mana pihak dan Kami berhak atas perbelanjaan sendiri untuk menyaman di bawah Nama anda. Anda hendaklah memberikan atau berusaha agar diberikan kepada Kami segala bantuan yang mampu Anda berikan seperti yang Kami perlu untuk mendapatkan hak dan remedi dan permintaan Kami akan melaksanakan atau menyebabkan pelaksanaan semua dokumen yang diperlukan untuk membolehkan Kami mengemukakan saman secara berkesan atas nama Anda.

31. SEKATAN HAD DAN PENGECUALIAN
Walau apa pun yang terkandung di dalam ini yang menyatakan sebaliknya, Kami tidak boleh dianggap sebagai memberikan sebarang perlindungan dan tidak bertanggungjawab untuk membayar sebarang tuntutan atau memberikan sebarang manfaat setakat mana pemberian perlindungan tersebut, bayaran tuntutan atau penyediaan manfaat tersebut akan mendedahkan Pengendali Takaful kepada sebarang perlanggaran sekatan, larangan atau halangan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan Kesatuan Eropah atau mana-mana undang-undang atau peraturan lain yang diguna pakai di dalam negara.

32. KEBERASINGAN

Jika mana-mana peruntukan atau sebahagian daripada peruntukan Sijil ini akan dipegang atau didapati terbatal, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, ia hendaklah dianggap dipotong daripada Sijil ini. Bagaimanapun, baki peruntukan itu masih berkuatkuasa dan efektif.

BAHAGIAN B: MANFAAT DI BAWAH SIJIL ASAS

1. PEMBERIAN MANFAAT

   SEBAGAI PERTIMBANGAN kepada pembayaran Sumbangan kepada Kami dan SENTIASA DENGAN SYARAT bahawa semua Sumbangan telah dibayar dengan sewajarnya DAN DENGAN SYARAT SELANJUTNYA bahawa Sijil Asas ini masih berkuat kuasa dan efektif, Kami akan membayar Manfaat yang dinyatakan di bawah, SENTIASA TERTAKLUK kepada syarat-syarat yang terkandung dalam Sijil ini. Walau apa pun peruntukan yang menyatakan sebaliknya, sekiranya mana-mana Pengendorsan dikeluarkan yang mengubah terma Sijil ini, maka pembayaran di bawah Sijil ini akan diubah dengan sewajarnya.

2. MANFAAT PENYAKIT KRITIKAL

   Sekiranya Orang Dilindungi didiagnosis mengalami salah satu daripada Penyakit Dilindungi, jaminan seratus peratus (100%) daripada Jumlah Asas Dilindungi akan dibayar daripada PRF kepada Anda atau Penuntut Sebenar yang mana berkenaan, dengan syarat Orang Dilindungi hidup sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari dari tarikh diagnosis tersebut, TERTAKLUK KEPADA dan mengikut syarat-syarat yang terkandung di Bahagian C dalam Sijil Asas ini.

BAHAGIAN C: SYARAT YANG DIKENAKAN KE ATAS MANFAAT PENYAKIT KRITIKAL

1. DEFINISI PENYAKIT DILINDUNGI

1.1 **STROK – menyebabkan Defisit Neurologi Kekal dengan Simptom Klinikal Berterusan**

Kematian tisu otak akibat bekalan darah tidak mencukupi, pendarahan dalam tengkorak atau embolisasi dari sumber tengkorak tambahan menyebabkan Defisit Neurologi Kekal dengan Simptom Klinikal Berterusan. Diagnosis hendaklah berdasarkan perubahan yang dilihat di dalam imbasan CT atau MRI dan disahkan oleh pakar neurologi. Tempoh Penilaian minimum selama tiga (3) bulan adalah terpakai.

Untuk definisi di atas, yang berikut adalah tidak dilindungi:
(a) Serangan Iskemia Sementara;

(b) Simptom serebral disebabkan migrain;

(c) Kecederaan trauma kepada tisu otak atau pembuluh darah; dan

(d) Penyakit vaskular yang menjejaskan mata atau saraf optik atau fungsi vestibular.

1.2 **SERANGAN JANTUNG – berdasarkan keterukan tertentu**

Kematian otot hati, akibat bekalan darah tidak mencukupi, yang menyebabkan semua bukti infarksi miokardium akut berikut:
(a) Sejarah sakit dada tipikal;

(b) Perubahan karakter baru elektrokardiografik; dengan perkembangan mana-mana yang berikut: peningkatan ST atau depresi, penyongsangan gelombang T, gelombang Q patologi atau blok dahan kelompok kiri; dan

(c) Peningkatan biomarker kardio, termasuk CPK-MB di atas tahap makmal biasa yang diterima umum atau Troponin yang direkod pada peringkat berikut atau lebih tinggi:
- Cardiac Troponin T or Cardiac Troponin I > / = 0.5 ng/ml

Bukti hendaklah menunjukkan kewujudan infarksi myocardium akut pasti yang harus disahkan oleh pakar perubatan atau pakar kardiologi.

Untuk definisi di atas, yang berikut adalah tidak dilindungi:
- kewujudan sindrom koronari akut termasuk tetapi tidak terhad kepada angina tidak stabil; dan
- peningkatan dalam biomarker cardium disebabkan daripada prosedur perkutaneus untuk penyakit arteri koronari.

1.3 **KEGAGALAN BUAH PINGGANG – memerlukan dialisis atau pemindahan buah pinggang**

Kegagalan buah pinggang tahap akhir dinyatakan sebagai kegagalan kronik Tidak Boleh Pulih untuk berfungsi, menyebabkan rutin dialisis dimulakan atau pemindahan buah pinggang dilakukan.

1.4 **KANSER – berdasarkan keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal**

Sebarang ketumbuhan malignan didiagnosis positif dengan pengesahan histologi dan dicirikan oleh pertumbuhan sel malignan yang tidak terkawal dan pencerobohan tisu. Terma ketumbuhan malignan termasuk leukimia, limfoma dan sarkoma.

Untuk definisi di atas, yang berikut adalah tidak dilindungi:

(a) Semua kanser yang mana diklasifisikan secara histologi sebagai mana-mana satu daripada yang berikut:
   - pra-malignan;
   - bukan invasif;
   - karsinoma in situ;
   - mempunyai maglinan sempadan;
   - mempunyai maglinan berpotensi;

(b) Semua ketumbuhan prostat yang diklasifikasikan secara histologi sebagai T1N0M0 (klasifikasi TNM);

(c) Semua ketumbuhan tiroid diklasifikasikan secara histologi sebagai T1N0M0 (klasifikasi TNM);

(d) Semua ketumbuhan pundi kencing diklasifikasikan secara histologi sebagai T1N0M0 (klasifikasi TNM);

(e) Leukimia Limfosit Kronik kurang daripada RAI Peringkat 3;

(f) Semua kanser dengan kehadiran HIV; dan

(g) Sebarang kanser kulit selain daripada melanoma malignan.

1.5 **PEMBEDAHAN PINTASAN ARTERI KORONARI**

Merujuk kepada pembedahan buka-dada sebenar untuk membetulkan atau merawat Penyakit Arteri Koronari dengan cantuman pintasan arteri koronari.

Untuk definisi di atas, yang berikut adalah tidak dilindungi:
(a) angioplasty;
(b) teknik berasaskan intra arteri atau kateter yang lain;
(c) prosedur lubang kunci; dan
(d) prosedur laser.

2. BAYARAN MANFAAT

Ketika Sijil Asas ini masih berkuat kuasa dan efektif untuk sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari selepas Tarikh Permulaan Sijil atau tarikh pengembalian semula Sijil, yang mana lebih kemudian, selepas bukti memuaskan diagnosis diterima bagi sebarang Penyakit Dilindungi, Kami akan membayar Manfaat Penyakit Kritikal dalam sekaligus.

3. PEMFAILAN BUKTI PENYAKIT KRITIKAL

Selepas penerimaan notis diagnosis atau pembedahan Penyakit Dilindungi, Kami akan memberikan Anda atau wakil Anda borang yang sesuai untuk pemfailan penyakit kritikal. Semua sijil, dokumen, maklumat, laporan perubatan dan bukti seperti yang diperlukan oleh Kami (selepas ini dirujuk sebagai "Dokumen Tuntutan") mengikut budi bicara kami hendaklah diberikan kepada Kami, di atas perbelanjaan Anda, dan dalam bentuk yang Kami perlukan, dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh diagnosis atau pembedahan Penyakit Dilindungi tersebut.

Bagi mengelakkan keraguan, Anda oleh itu bersetuju dan secara jelas bersetuju bahawa Kami mempunyai hak untuk menyiasat dengan lebih lanjut Dokumen Tuntutan yang disediakan oleh Anda di hospital, penguatkuasa, polis atau badan-badan lain atau orang yang berkenaan dan berkaitan dengan tuntutan yang Kami rasakan sesuai. Dalam sebarang situasi semua notis yang mana Anda perlu menghantar kepada Kami, hendaklah secara bertulis dan dialamatkan ke Ibu Pejabat Kami. Anda perlu, atas permohonan dan perbelanjaan Kami, menghantar kepada pemeriksaan perubatan sekiranya dirasakan perlu.

4. TUNTUTAN TIDAK LENGKAP
Semua tuntutan hendaklah dihantar kepada Kami dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh diagnosis atau pembedahan Penyakit Dilindungi yang mana tuntutan dibuat. Tuntutan dianggap tidak lengkap dan Manfaat di bawah Sijil ini tidak akan dibayar kecuali dokumen bukti telah dihantar dan dipersetujui oleh Kami dan sentiasa tertakluk kepada Klausa 3 Bahagian C.

5. PENYAKIT SEDIA ADA
"Penyakit Sedia Ada" bermaksud Hilang Upaya yang mana Anda dan Orang Dilindungi mempunyai pengetahuan munasabah sebelum Tarikh Permulaan Sijil atau sebarang tarikh pengembalian semula Sijil, yang mana lebih kemudian. Anda atau Orang Dilindungi mungkin dianggap mempunyai pengetahun munasabah mengenai keadaan sedia ada yang mana keadaannya adalah:

(a) Orang Dilindungi telah menerima atau sedang menerima rawatan;

(b) nasihat perubatan, diagnosis, penjagaan atau rawatan telah disyorkan;

(c) simptom yang jelas dan nyata atau telah terbukti; atau

(d) kewujudannya jelas bagi orang yang mengalami keadaan tersebut;

Walau apa pun bertentangan dengan Sijil Asas, Manfaat Penyakit Kritikal tidak akan dibayar jika Kecederaan atau Penyakit disebabkan oleh Penyakit Sedia Ada kecuali pada masa Kecederaan atau Penyakit, Orang Dilindungi telah dilindungi lebih daripada dua belas (12) bulan dari Tarikh Permulaan Sijil dan Anda atau Orang Dilindungi telah mendedahkan Kecederaan atau Penyakit tersebut dan telah diunderait sepenuhnya dan diterima oleh Kami sebelum permulaan perlindungan.

6. PENGECUALIAN
Manfaat Penyakit Kritikal tidak akan dibayar jika Penyakit Dilindungi disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada salah satu (1) kejadian berikut:

(a) Penyakit Sedia Ada;

(b) Tanda atau simptom Penyakit Dilindungi telah wujud sebelum atau:

    (i) dalam tempoh enam puluh (60) hari dari Tarikh Permulaan Sijil atau sebarang tarikh pengembalian semula Sijil, yang mana lebih kemudian berkenaan dengan:
    - Kanser – berdasarkan keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal
    - Pembedahan Pintasan Arteri Koronari
    - Serangan Jantung – berdasarkan keterukan tertentu

    (ii) dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari Tarikh Permulaan Sijil atau sebarang tarikh pengembalian semula Sijil, yang mana lebih kemudian untuk semua Penyakit Dilindungi yang tidak dinyatakan dalam perkara (i) di atas.

(c) Selain daripada insiden pertama Penyakit Dilindungi;

(d) Sebarang Kecederaan dan Penyakit disebabkan secara langsung atau tidak langsung, keseluruhan atau sebahagian, oleh kecederaan yang dilakukan sendiri sama ada waras atau tidak waras, penyalahgunaan alcohol secara sengaja dan/atau pengambilan dadah selain daripada di bawah arahan Pengamal Perubatan berdaftar; atau

(e) Kematian Orang Dilindungi dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas tarikh didiagnosis Penyakit Dilindungi.

7. SIJIL DITAMATKAN SELEPAS PEMBAYARAN
Untuk mengelakkan keraguan, dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa Sijil ini akan tamat secara automatic selepas pembayaran penuh Manfaat Penyakit Kritikal.